


MESTI BACA

Bahan Atom, Bahan Molekul dan Bahan Ion

1. Bahan boleh dikelaskan kepada tiga kumpulan berdasarkan jenis zarah yang terkandung di dalamnya.


2. Bahan atom

- (a) Mengandungi zarah atom sahaja
(b) Semua unsur logam dan gas nadir ialah bahan atom
(c) Susunan atom di dalam logam disusun rapat dan teratur manakala susunan atom di dalam gas nadir berjauhan dan tidak teratur.




3. Bahan molekul

- (a) Mengandungi zarah molekul yang merupakan gabungan dua atau lebih atom secara kimia, sama ada atom yang sama atau berbeza.
(b) Bahan bukan logam wujud dalam bentuk molekul.



4. Bahan ion

- (a) Terbentuk daripada tindak balas antara logam dengan bukan logam.
(b) Bahan ini mengandungi ion positif dan ion negatif.



Ion natrium dan ion klorida

JAWAB

KERTAS 1



1. Antara bahan berikut, yang manakah terdiri daripada atom?
A Air
B Helium
C Karbon dioksida
D Natrium klorida
2. Rajah di bawah menunjukkan susunan zarah dalam satu bahan.



Apakah bahan tersebut?

- A Air
B Zink
C Oksigen
D Besi oksida

3. Antara bahan berikut, yang manakah terdiri daripada molekul?



4. Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan susunan zarah dalam bahan ion?

